

Etika Kerja

Kementerian Pelajaran Malaysia

*Junjung Amanah
Pembangunan Insan Mulia*

Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
2003

Isi Kandungan

<i>FALSAFAH PELAJARAN KEBANGSAAN</i>	iii.
<i>MISI KPM</i>	iii.
<i>OBJEKTIF KPM</i>	iii.
<i>PENDAHULUAN</i>	1.
<i>TAKRIF ETIKA KERJA DALAM KPM</i>	1.
<i>PRINSIP ETIKA KERJA KPM</i>	2.
<i>NILAI UTAMA DALAM ETIKA KERJA KPM</i>	4.
<i>Amanah</i>	5.
<i>Benar</i>	5.
<i>Bijaksana</i>	6.
<i>Bersyukur</i>	6.
<i>Dedikasi</i>	7.
<i>Ikhlas</i>	7.
<i>Penyayang</i>	8.
<i>PENUTUP</i>	8.

Falsafah Pelajaran Kebangsaan

Pelajaran di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara.

Misi Kementerian Pelajaran Malaysia

Membangunkan sistem pelajaran berkualiti yang bertaraf dunia (world class) bagi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara Malaysia.

Objektif Kementerian Pelajaran Malaysia

1. Melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia dan bersatu padu;
2. Melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera;
3. Menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara; dan
4. Memberikan peluang-peluang pelajaran kepada semua warganegara Malaysia.

Pendahuluan

Matlamat mewujudkan sistem pelajaran bertaraf dunia dan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pelajaran di rantau ini ialah bertanggungjawab semua warga Kementerian Pelajaran Malaysia.

Justeru, satu etika kerja yang mantap perlu diamalkan untuk memastikan warga Kementerian Pelajaran Malaysia mempunyai sifat-sifat luhur, bertanggungjawab dan tahap profesionalisme yang tinggi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Takrif Etika Kerja

Etika kerja ialah panduan tingkah laku yang menjadi pegangan setiap warga Kementerian Pelajaran Malaysia berlandaskan nilai-nilai akhlak mulia.

Objektif Etika Kementerian Pelajaran Malaysia

1. Menanamkan sikap positif dan menghapuskan sikap negatif dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan bagi mempertimbangkan kualiti kerja;
2. Meningkatkan disiplin diri bagi menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan organisasi; dan
3. Memberikan sumbangan positif yang berterusan kepada negara.

Prinsip Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia

Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia perlu dilaksanakan dan dihayati berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- Niat yang betul.
- Perlakuan yang baik.
- Penggerak ke arah kebaikan.
- Memperkatakan apa yang dikatakan.
- Berdisiplin dan beradab.

Niat yang betul

Melaksanakan pekerjaan dengan niat yang betul adalah penting dan dituntut oleh agama, selari dengan landasan berikut:

- Memenuhi kehendak Falsafah Pelajaran Kebangsaan (FPK), misi, matlamat dan objektif Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ikhlas menyempurnakan tanggungjawab terhadap agama dan negara;
- Memberikan sumbangan bermutu; dan
- Sentiasa memperbaharui niat untuk kebaikan.

Perlakuan yang baik

Melakukan tugas dengan sempurna merupakan tanggungjawab warga pelajaran ke arah mencapai hasil yang berkualiti di samping memperbaiki imej organisasi. Oleh itu, warga Kementerian Pelajaran Malaysia perlu:

- Menunjukkan penampilan diri, pertuturan dan perbuatan yang terbaik sepanjang masa;

- Menghasilkan kerja berkualiti secara berterusan, di samping memberikan kepuasan kepada pelanggan; dan
- Menghargai dan bertanggungjawab terhadap hasil usaha organisasi.

Penggerak ke arah kebaikan

Setiap warga Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah menjadi penggerak ke arah kebaikan. Justeru, seluruh warga Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah:

- Menampilkan diri sebagai seorang yang dinamik, maju, berdaya saing dan dapat mendorong seseorang melakukan kebaikan;
- Berusaha agar hasil kerja dan amalan dapat menonjolkan ciri-ciri kecemerlangan dan ketinggian kualiti yang boleh menjadi sumber inspirasi kepada rakan sejawat; dan
- Sentiasa berusaha menjadi pekerja yang terbaik.

Memperkotakan apa yang dikatakan

Kita hendaklah sentiasa berusaha melaksanakan apa yang dikatakan. Justeru, setiap warga Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah:

- Sentiasa menunjukkan ketekalan dalam tanggapan, pengucapan dan tindakan, sama ada terhadap diri sendiri atau orang lain;
- Apa yang dibuat mesti sesuai dengan apa yang diucapkan; dan
- Sentiasa menepati apa yang dinyatakan dalam piagam pelanggan.

Berdisiplin dan beradab

Aktiviti yang berperaturan, mulia, berdisiplin dan beradab adalah penting ke arah melahirkan warga Kementerian yang cemerlang. Justeru, setiap warga Kementerian Pelajaran hendaklah:

- Sentiasa menjaga adab sopan seperti yang terdapat dalam ajaran agama;
- Sentiasa mematuhi peraturan dan arahan perkhidmatan; dan
- Sentiasa berpandukan prosedur dan kaedah yang sesuai dan betul.

Nilai Utama Dalam Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia

Walaupun terdapat banyak nilai murni, tetapi tujuh nilai utama menjadi fokus Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia. Nilai-nilai itu adalah:

- Amanah
- Benar
- Bijaksana
- Bersyukur
- Dedikasi
- Ikhlas
- Penyayang

Amanah

Sifat bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan. Antara amalan "amanah" adalah:

- Sentiasa menjalankan tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab tanpa menyeleweng dan cuai;
- Bersikap jujur dan setia kepada organisasi tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan.
- Menggunakan masa dengan sebaik-baiknya dan menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak menggunakan masa pejabat untuk urusan peribadi;
- Berdisiplin dan mengawal diri dan tidak melakukan sesuatu yang boleh menghilangkan kepercayaan orang lain terhadap dirinya; dan
- Bertanggungjawab melaporkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Benar

Benar pada niat dan perbuatan, contohnya:

- Mempunyai niat yang baik dan jujur dalam melakukan sesuatu pekerjaan, tanpa niat yang tersembunyi ataupun mengharap balasan;
- Bercakap benar dan menepati janji, tidak bercakap bohong dan mungkir janji;
- Memberikan atau menerima arahan yang jelas dan tetap dan tidak mengelirukan; dan
- Rela berkongsi pengalaman, ilmu dan kepakaran untuk kejayaan bersama.

Bijaksana

Menggunakan pemikiran dengan bijaksana dalam membuat keputusan dan tindakan sesuai dengan masa serta keadaan, seperti:

- Menggunakan seluruh potensi, keupayaan dan kepakaran untuk menjayakan sesuatu tugas dengan cemerlang dan tidak mengambil jalan mudah;
- Sentiasa berusaha menghasilkan kerja yang bermutu tinggi dan berkualiti;
- Mempunyai fikiran yang rasional dan pertimbangan yang saksama dalam menyelesaikan sesuatu masalah tanpa mengikut perasaan dan emosi; dan
- Sentiasa mempertingkatkan ilmu, kepakaran dan profesionalisme.

Bersyukur

Perasaan dan perlakuan yang menghargai nikmat dan pemberian yang diterima, antaranya:

- Sentiasa menghargai anugerah dan nikmat yang diterima tanpa menganggap kejayaan sebagai hak;
- Bersedia memberikan pengiktirafan kepada mereka yang berjaya tanpa sebarang prasangka, berdendam atau menabur fitnah;
- Tenang menghadapi masalah dan reda menerima ketetapan, kegagalan dan ujian serta tidak boleh putus asa; dan
- Berpuas hati dengan nikmat yang diperoleh seperti ganjaran yang diterima dan kemudahan yang disediakan.

Dedikasi

Berminat dan rela mengorbankan masa dan tenaga secara berterusan dalam menghasilkan kerja yang berkualiti, contohnya:

- Bekerja tanpa rasa jemu dan bosan serta bersedia untuk menerima tugas dengan tidak mencari helah;
- Sanggup berkorban masa dan tenaga demi kepentingan perkhidmatan;
- Tekun dan rajin serta bersikap positif dalam melaksanakan tugas dan memastikan hasil kerja sentiasa berkualiti;
- Menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sabar, teliti dan ceria, tidak cuai atau merungut; dan
- Cergas

Ikhlas

Berhati suci dalam menunaikan tanggungjawab untuk menghasilkan kerja yang terbaik tanpa mengharapkan ganjaran, antaranya:

- Menerima tanggungjawab dengan rela dan hati yang suci, tidak berpura-pura atau mengelak daripada tanggungjawab;
- Menjalankan tugas semata-mata untuk mencapai matlamat organisasi, bukan kerana pangkat, kedudukan atau mendapat perhatian orang lain;
- Memberikan layanan yang baik, tanpa mengira pangkat, status atau kedudukan dan tidak bersikap pilih kasih;
- Bersedia menerima teguran dan kritikan dengan hati dan fikiran yang terbuka; dan
- Saling hormat-menghormati antara satu sama lain tanpa sebarang kepentingan;

Penyayang

Perasaan dan perlakuan yang menunjukkan sikap memahami, menghargai dan mengambil berat, seperti:

- Bersifat pemaaf dan penyayang, tidak berdendam, sombong dan suka meninggi diri;
- Menganggap setiap orang mempunyai harga diri yang perlu dihormati tanpa sebarang prasangka buruk;
- Bersifat bertimbang rasa dan suka mengambil berat dalam melaksanakan tugas;
- Menjadikan organisasi sebagai sebuah keluarga besar yang penuh kemesraan; dan
- Bersifat simpati dan empati dalam menjalankan tugas seharian.

Penutup

Etika Kerja Kementerian Pelajaran hendaklah diamalkan oleh semua lapisan warga Kementerian Pelajaran Malaysia dengan diterajui oleh pihak pemimpin.

Setiap warga Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah bertekad dan berusaha mempertingkatkan kualiti peribadi dan profesion. Mudah-mudahan setiap kerja yang dilaksanakan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wa Ta'aala dan diterima sebagai ibadat.